

ANALISIS MASALAH SOSIAL DALAM CERPEN KARYA A.NAGAPPAN

ILAMPURANAN A/L KIRAMANY

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA SASTERA (BAHASA TAMIL)  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

## ABSTRAK

Kajian ini mempunyai tiga tujuan utama iaitu mengkaji latar belakang serta kepengarangan A.Nagappan, mengenal pasti masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia dan mengkaji kerelevanannya di antara masalah sosial dengan keadaan kehidupan sebenar masyarakat India di Malaysia dalam cerpen A.Nagappan. Kumpulan cerpen dan antologi cerpen A.Nagappan yang dikaji ialah *Ko:nal A:ru, Kampi Me:l Nhadakirarkal:, The:t:al dan Pe:ravaik Kathaikal:* yang berjumlah 13 buah cerpen. Kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks serta teori Sosiologi Sastera digunakan untuk mengkaji cerpen-cerpen A.Nagappan. Hasil daripada kajian menunjukkan A.Nagappan merupakan seorang penulis prolifik yang membincangkan isu-isu rakyat. Melalui kajian ini didapati terdapat 14 masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Antara masalah sosial yang digambarkan dalam cerpen-cerpen tersebut adalah kemiskinan, keciciran pendidikan, kepimpinan, penghambaan, keruntuhan moral, kesihatan dan pengaruh alkohol. Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa cerpen A.Nagappan mencerminkan kehidupan sebenar yang pernah dilalui oleh masyarakat India di negara ini. Untuk mengatasi masalah sosial ini pelbagai program pembangunan telah dilaksanakan oleh kerajaan, umpamanya peruntukan khas untuk pemulihan status ekonomi dan kepelbagaian peluang pendidikan di semua peringkat pengajian untuk semua kaum. Sehubungan itu, melalui kajian ini diharapkan pelbagai isu lagi akan terus dikaji demi kesejahteraan semua rakyat di negara ini.

## SOCIAL PROBLEMS IN A.NAGAPPAN'S SHORT STORIES

### ABSTRACT

This study covered three key areas which were to review the background and authorship of A.Nagappan, identify the social problems as well as to examine the relevance of social issues with real-life situation of the Indian community in Malaysia. The short stories collections and anthologies used in this study were *Ko:nal A:ru*, *Kampi Me:l Nhadakirarkal:*, *The:t:al* and *Pe:ravaik Kathaikal:* by A.Nagappan. There were thirteen short stories compiled by A.Nagappan. A qualitative methods of library research, encompassing textual analyses and Sociology of literature theory were used to study the short stories. Results showed A.Nagappan is a prolific writer who discussed the issues of the people. The research shows there are 14 social problems faced by the Indian community in Malaysia. Social problems that described in the short stories were poverty, social interaction, education dropouts, leadership, slavery, morality, health and the influence of alcohol. Overall, it can be said that A.Nagappan's short stories reflected real condition of the Indian community in Malaysia. To overcome these social problems, development programs implemented by the government, such as special provisions for the recovery of economic status and diversity of educational opportunities at all levels for all races . Through this study are expected to further issues will continue to be assessed for the welfare of all people in the country.

**KANDUNGAN****HALAMAN JUDUL**

Muka Surat

i	
ii	
iii	
iv	
v	
vi	
x	
xi	
xii	
xiv	

**PENGAKUAN****PENGHARGAAN****ABSTRAK****ABSTRACT****KANDUNGAN****SENARAI JADUAL****SENARAI RAJAH****SENARAI SINGKATAN****TRANSLITERASI****BAB 1 PENGENALAN**

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	3
1.2	Pernyataan Masalah	7
1.3	Objektif Kajian	11
1.4	Persoalan Kajian	11
1.5	Kepentingan Kajian	12
1.6	Batasan Kajian	14
1.7	Sumber Kajian	16
1.8	Definisi Operasional	16
1.8.1	Cerpen	17
1.8.2	Masalah Sosial	19
1.9	Rumusan	22

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.0	Pengenalan	23
2.1	Kajian-kajian terdahulu	24
2.2	Rumusan	42

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	44
3.1	Reka Bentuk Kajian	45
3.1.1	Kerangka Kajian	46
3.2	Kaedah Kajian	47
3.2.1	Kaedah Analisis Teks	47
3.2.2	Kaedah Kajian Kepustakaan	48
3.2.3	Kaedah Temu bual	49

3.3	Teori Kajian	50
3.3.1	Kerangka Teori	51
3.3.2	Teori Sosiologi Sastera	51
3.3.3	Aliran Fungsi Model Pencerminan	60
3.4	Rumusan	61

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	62
4.1	Latar Belakang Dan Kepengarangan A. Nagappan	63
4.1.1	Riwayat Hidup A. Nagappan	64
4.1.2	Kepengarangan A. Nagappan	66
4.1.3	Kedudukan Dan Sumbangan Dalam Bidang Kesusasteraan Tamil	75
4.2	Masalah Sosial Dalam Cerpen A.Nagappan	77
4.2.1	Masalah Sosial Berkaitan Dengan Ekonomi	78
4.2.1.1	Masalah Kemiskinan	78
4.2.1.2	Masalah Tanggapan Negatif	86
4.2.1.3	Masalah Rumah Setinggan	94
4.2.2	Masalah Sosial Berkaitan Dengan Pendidikan	104
4.2.2.1	Masalah Keciciran	104
4.2.2.2	Masalah Peluang Pendidikan Tinggi	111
4.2.3	Masalah Sosial Berkaitan Dengan Moral	118
4.2.3.1	Masalah Arak	119
4.2.3.2	Masalah Penipuan (Iklan Palsu)	127
4.2.3.3	Masalah Gengstrisme	132
4.2.4	Masalah Berkaitan Dengan Sosial	137
4.2.4.1	Masalah Kesihatan	138

4.2.4.2 Masalah Perhambaan	146
4.2.4.3 Masalah Panggilan ‘Keling’	157
4.2.4.4 Masalah Kasta	161
4.2.5 Masalah Berkaitan Dengan Politik	166
4.2.5.1 Masalah Kewaganegaraan, Kad Pengenalan Merah Dan Permit Kerja	167
4.2.5.2 Masalah Pemimpin Tidak Bertanggungjawab	175
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	186
5.1 Rumusan Dapatan Kajian	188
5.1.1 Rumusan Analisis Latar Belakang Dan Kepengarangan A.Nagappan	189
5.1.2 Rumusan Analisis Masalah Sosial	192
5.1.3 Rumusan Analisis Kerelevan Masalah Sosial Dengan Kehidupan Sebenar	200
5.2 Cadangan Kajian Lanjutan	205
5.3 Rumusan	208
<b>RUJUKAN</b>	208
<b>LAMPIRAN</b>	215

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Cerpen Yang Dipilih Untuk Kajian	15
4.1	Kadar Upah Pekerja Ladang	84
4.2	Guna Tenaga Mengikut Sektor & Penglibatan Kumpulan Etnik	91
4.3	Peratus Pelajar Mengikut Kaum Yang Mendapat Tempat Di IPTA Bagi Sesi 2009/2010,2010/2011 & 2013/2014	115
4.4	Hasil Kerajaan British Di Tanah Melayu Kedai-Kedai Todi Di Negeri Selangor Pada Tahun 1912-1917	124
4.5	Jumlah Ahli Kongsi Kelab Di Malaysia Mengikut Kaum	135
4.6	Jumlah Penduduk Ladang Di Malaya Mengikut Kaum	173
5.1	Senarai Cerpen Yang Mengandungi Masalah Sosial	186
5.2	Jumlah Masalah Sosial Mengikut Kategori	192

**SENARAI RAJAH**

<b>No. Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Kerangka Kajian	46
3.2	Kerangka Teori	51
3.3	Aliran Fungsi Model Pencerminan George Lukacs	61
5.1	Jumlah Masalah Sosial Mengikut Kategori	192

## SENARAI SINGKATAN

Tajuk Cerpen

KMN            *Kambi Me:l NhadakkiRa:rkal*

OKKP          *Oru Kuyil Ku:va Po:kiratu*

YE              *Ya:naiyum Eliyum*

KM              *Kadaici Mudiccu*

IV              *Ituta:n Va:lzkai*

KP              *Kil:ai Pa:thai*

KA              *Ko:n:al A:ru*

TK              *Thottil Kul-antaikal:*

MP              *Marupakkam*

NI              *Nhal:l:iravu*

TR              *Tharakan*

UP              *Udaippu*

VN              *Verukku Nhi:r*

**Umum**

DEB	Dasar Ekonomi Baru
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LTTE	Liberal Tiger Tamil Eelam
PKM	Parti Komunis Malaya
MIC	Malaysian Indian Congress
MAPA	Malaysian Agriculture & Planters Assosiation
GLC	Government Linked Company
DBP	Dewan Bahasa & Pustaka
MARA	Majlis Amanah Rakyat
UUM	Universiti Utara Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
NGO	Non Goverment Organisation
IPF	Indian Progressive Front

## TRANSLITERASI TAMIL

### Vokal

<b>அ</b>	a	<b>ஆ</b>	a:	<b>ஐ</b>	ai
<b>இ</b>	i	<b>ஈ</b>	i:	<b>உளி</b>	au
<b>உ</b>	u	<b>ஊ</b>	u:	<b>ஃ</b>	x
<b>எ</b>	e	<b>ஏ</b>	e:		
<b>ஓ</b>	o	<b>ஓ</b>	o:		

### Konsonan

<b>க்</b>	k	<b>ய்</b>	y	<b>ங்</b>	ng
<b>ச்</b>	c	<b>ர்</b>	r	<b>ஞ்</b>	nj
<b>ட்</b>	t:	<b>ல்</b>	l	<b>ண்</b>	n:
<b>த்</b>	th	<b>வ்</b>	v	<b>ந்</b>	nh
<b>ப்</b>	p	<b>ழ்</b>	l-	<b>ம்</b>	m
<b>ற்</b>	tr	<b>ன்</b>	l:	<b>ன்</b>	n

### Sanskrit

<b>ஜ்</b>	j	<b>ஹ்</b>	h	<b>ஷ்</b>	sh	<b>ஸ்</b>	s	<b>ஸ்ரீ</b>	sri
-----------	---	-----------	---	-----------	----	-----------	---	-------------	-----

Sumber : Lexicon

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Adalah suatu hakikat yang tidak dapat ditolak bahawa karya sastera adalah satu fenomena sosial. Hal ini dapat dilihat pada proses penghasilan suatu karya sastera atau juga dapat dilihat pada hasil itu sendiri, tentang apa yang dikemukakan didalamnya. Jadi sesuatu yang berhubung dengan karya itu sendiri atau mungkin juga berhubung bagaimana orang menerimanya, kerana ia berhubungan dengan sosial, mengkomunikasikan sesuatu kepada ‘orang lain’ yang tidak pernah pasti jumlahnya. Tanpa sosial tidak akan ada manusia meskipun, masyarakat itu akan sangat kecil sekali (Umar Junus,1988).

Satu perkara yang tidak dapat dinafikan adalah menerima kenyataan bahawa seseorang sasterawan hidup dalam masa dan tempat tertentu. Dalam kehidupannya sentiasa berhadapan dengan pelbagai masalah sosial. Masa dan tempat tertentu dalam kehidupan sasterawan adalah keadaan sosial masyarakat tertentu (Jabrohim, 2001).

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa seorang sasterawan hakikatnya adalah seorang anggota masyarakat. Oleh itulah sastera dilihat sebagai institusi sosial yang menggunakan bahasa. Bahasa itu sendiri merupakan produk sosial. Sastera menampilkan gambaran kehidupan dan kehidupan itu sendiri adalah suatu kenyataan sosial (Supardi Djoko Damono, 1978) . Ia berhubungan dengan persoalan yang dihadapi oleh manusia dalam berhubungan dengan manusia atau kelompok manusia lain dan digunakan untuk berkomunikasi dengan manusia atau kelompok manusia lain.

Karya sastera sebagai fenomena sosial tidak hanya dilihat dari segi penghasilannya, tetapi juga pada hakikat karya itu sendiri. Malahan mungkin dapat dikatakan bahawa reaksi sosial seorang penulis terhadap fenomena sosial yang dihadapinya. Hal ini akan menyebabkan ia menulis sesuatu karya sastera dengan sendirinya merupakan perumusan terhadapnya. Seperti yang dikatakan oleh Wolfgang Iser (1974) dalam sebuah artikelnya, sesuatu karya sastera akan memperlihatkan kelemahan dari suatu sistem, sehingga ia dikuasai oleh prinsip '*no news is good news*'. Prinsip ini bermaksud setiap karya yang dihasilkan oleh seseorang sasterawan mengetengahkan isu atau perkara buruk yang dihadapi oleh masyarakat. Isu atau masalah tersebut dijadikan tema dan persoalan dalam sesuatu karya.

Karya sastera lahir kerana ada sesuatu yang tidak baik berlaku (Umar Junus, 1988). Bermula dengan penghasilannya, hakikat yang ada dalam karya itu sendiri dan hubungannya dengan khalayaknya, semuanya adalah fenomena sosial. Kerana itu, mempelajari karya sastera sebenarnya mempelajari suatu kehidupan sosial. Atau mungkin lebih tepat, sesuai dengan kecenderungan kini, melalui karya sastera kita akan dapat melihat ideologi, tentunya tidak formal, yang hidup dalam proses penghasilannya. Atau dalam jaringan pernyataan yang dikemukakan dalam satu karya. Bahkan juga dalam berbagai-bagai kemungkinan hubungannya dengan khalayaknya. Karya sastera juga dilihat sebagai dokumen sosiobudaya yang mencatat kenyataan sosiobudaya suatu masyarakat pada masa tertentu. Imej atau citra seperti perempuan, lelaki, orang asing, tradisi, dunia moden, masalah dan lain-lain lagi dicerminkan melalui karya yang dihasilkan (Umar Junus, 1986). Karya sastera merupakan pemerihalan kehidupan silam sesebuah masyarakat yang benar-benar berlaku.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Bahan rujukan terawal yang menjadi dokumen-dokumen rasmi yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat adalah sastera. Dari sinilah pengkaji-pengkaji awal sosiologi dan antropologi mengambil bukti yang memaparkan sosiobudaya sesebuah masyarakat. Oleh itu, kita boleh merumuskan bahawa karya sastera seperti cerpen, novel dan sebagainya menjadi dokumen sosiobudaya yang penting menggambarkan atau mencerminkan kehidupan masyarakat.

Karya sastera pada umumnya tidak pernah melepaskan diri dalam hubungannya dengan kehidupan masyarakat. Karya sastera menampilkan permasalahan-permasalahan yang terdapat dalam kehidupan manusia yang berkaitan dengan moral dari situasi sosial dan sejarah.

Novel, puisi, sajak, cerpen, drama dan sebagainya dikategorikan sebagai genre sastera. Cerpen merupakan genre sastera moden yang popular sejak abad ke-18. Cerpen diminati ramai kerana bentuk yang ringkas dan padat. Ia tidak memerlukan masa yang panjang untuk pembaca menikmatinya. Oleh itu, sejak bermula abad ke-18 bentuk sastera ini berkembang dengan pesat mewarnai dunia sastera. Cerpen merupakan cerminan masyarakat. Ia memaparkan kehidupan masyarakat dengan unsur-unsur keindahan (Agilan, 2002).

Bentuk sastera Tamil yang terawal ialah puisi. Abad ke-18 merupakan satu jangka masa yang penting dalam perkembangan sastera Tamil moden. Kesusasteraan berpuisi telah membuka cabang dan membawa wajah baharu iaitu kesusasteraan prosa. Novel dan cerpen dari barat mula meresap dalam sastera prosa. Dalam keadaan ini sastera Tamil juga mula menukar wajah dari klasik ke moden.

Karya Veeramaamunivar (1680-1747) *Parama:rthaguru Kathaikal:*, Karya Thandavaraya Mudaliyar iaitu *Panchathantra Kataikal:*, Karya Veerasamy Chettiar iaitu *Vino:tha Rasa Mancari* dan Karya Celvakesavaraya Mudaliyar iaitu *Abinava Kathaikal:* adalah antara cerita-cerita pendek yang berbentuk ala cerpen yang dihasilkan sebelum

tahun 1927. Namun cerpen Tamil dihasilkan oleh Varanageri Vengadacubramanya Iyer dianggap sebagai cerpen Tamil pertama yang mempunyai ciri-ciri cerpen. Beliau menerbitkan antologi cerpen pada tahun 1917 (Krishnan Maniam, 1993).

Cerpen Tamil pertama Malaysia dihasilkan oleh V.Cinniah Pillai. Karya antologi cerpen beliau *Navarasa Kathai Mancari (Ivai Inia Karupitak kathaikal:)* adalah antologi cerpen Tamil yang pertama di negara ini (Subramaniam,N. 1980).

Perkembangan cerpen Tamil di Malaysia bermula sejak tahun 1930. Pada awal perkembangan ia agak lembab. Namun ia mula menampakkan kematangan pada tahun 50-an dan mengalami perkembangan yang agak pesat pada tahun-tahun 60-an dan 70-an sehingga sekarang. Pada awal perkembangan tema-tema yang dihasilkan dalam cerpen-cerpen Tamil di Malaysia adalah bercirikan Tamil Nadu, India iaitu mengisahkan masalah-masalah berlatarkan Tamil Nadu. Bermula era 60-an, cerpen-cerpen Tamil Malaysia mula mengalami perubahan dengan mengisahkan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia (Krishnan Maniam, 1993).

A. Nagappan merupakan antara penulis cerpen Tamil yang terkenal di Malaysia. Beliau juga adalah pelopor era baharu dalam cerpen Tamil pada tahun 60-an dan 70-an. Penglibatan beliau dalam penulisan cerpen Tamil telah membuka lembaran baharu dalam bidang cerpen Tamil Malaysia. Beliau mula mengetengahkan isu-isu masyarakat India di Malaysia. Cerpen beliau banyak menyuarakan kebenaran sosial dan ketidakadilan sosial

masyarakat India di Malaysia. Realisme pelbagai kumpulan masyarakat India menjadi isi dan tema dalam cerpen beliau.

Pada asalnya A. Nagappan ialah anak ladang. Beliau pernah melalui masam dan manis kehidupan ladang. Oleh itu, dalam karyanya beliau banyak menggambarkan kehidupan ladang dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat ladang.

Masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di ladang sekitar tahun 60-an dan 70-an mewarnai kebanyakkan cerpen beliau. Kesengsaraan dan kesusahan hidup masyarakat ladang dalam menyara kehidupan harian digambarkan dalam cerpen-cerpen beliau. Sekitar tahun 60-an banyak masalah sosial telah dihadapi oleh masyarakat India di ladang. Antara masalah-masalah yang dihadapi ialah masalah kemiskinan, masalah pendidikan, masalah kesihatan, masalah kewarganegaraan, masalah kasta, masalah pendidikan Tamil, masalah arak, masalah pengangguran dan sebagainya. Masalah-masalah sosial seperti ini telah menyebabkan masyarakat India di ladang pada ketika itu, terpisah daripada arus permodenan dan pembangunan negara. Tempiasnya, masyarakat India telah ketinggalan dalam membangunkan status ekonomi mereka.

Pada tahun 70-an bermula satu revolusi baharu dalam bidang ekonomi Malaysia. Negara mula menukar haluan ekonomi daripada pertanian kepada perindustrian. Peralihan dalam sektor ekonomi dari pertanian kepada perindustrian menyebabkan banyak ladang di Malaysia terpaksa menutup operasinya. Pekerja-pekerja ladang yang kebanyakannya terdiri daripada orang India telah hilang pekerjaan dan terpaksa mencari sumber rezeki

lain. Orang-orang India yang hilang kerja mula berhijrah ke bandar-bandar yang berdekatan untuk mencari kerja. Masyarakat ini telah menghadapi pelbagai masalah sosial untuk menyesuaikan dan meneruskan hidup di bandar. Masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India setelah berpindah ke bandar juga banyak dibicarakan oleh A. Nagappan dalam cerpen-cerpen beliau.

Cerpen beliau bukan sahaja mengisahkan masalah sosial, malah ada juga mencadangkan langkah-langkah yang harus diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Hal ini jelas membuktikan bahawa beliau menulis cerpen bukan hanya untuk menghiburkan pembaca sahaja, malah bermotif menyampaikan mesej, propaganda dan seruan untuk masyarakat.

Oleh itu, adalah sangat wajar mengkaji karya A. Nagappan untuk mengetahui masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India Malaysia. Kajian ini perlu untuk dijadikan dokumen penting gambaran masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India. Ia juga boleh dijadikan bahan rujukan sejarah masyarakat India di Malaysia.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kajian aspek ekstrinsik karya sastera antara lain membincarkan sosiologi sastera, psikologi dan falsafah dalam sastera. Cerpen-cerpen A. Nagappan adalah karya sastera yang berpotensi memaparkan unsur-unsur sosiologi masyarakat India. Unsur sosiologi

yang terdapat dalam cerpen-cerpen tersebut secara tidak langsung menunjukkan interaksi manusia dalam masyarakat.

Dalam kajian ini, pendekatan sosiologi sastera dikaitkan dengan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat khususnya masyarakat India. “Analisis masalah sosial dalam cerpen karya A.Nagappan” merupakan satu kajian sosiologi sastera. Kajian ini memaparkan masalah sosial yang menjadi punca penghalang pembangunan sesebuah masyarakat terutamanya masyarakat India. Bermula sejak zaman kemasukkan masyarakat India sebagai buruh ke Malaysia sehingga kini golongan ini telah menghadapi banyak masalah sosial dalam mengharungi arus kehidupan.

Masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di negara ini perlu dikaji untuk mencari penawar. Seterusnya mengenal pasti langkah-langkah yang sewajarnya diambil untuk menyelesaikan masalah sosial.

Selain itu, pengamatan beliau terhadap kehidupan sosial masyarakat India bukan hanya tertumpu kepada masyarakat India di ladang sahaja, malah cakupannya lebih luas lagi. Cerpen-cerpen beliau ada juga mengisahkan masalah sosial masyarakat India seperti masalah rumah tangga, masalah arak, masalah rumah setinggan, masalah penipuan dan penyelewengan, masalah politik, masalah alam sekitar, masalah cinta dan banyak lagi. Selain itu, cerpen-cerpen beliau ada juga membicarakan masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat Tamil di luar Malaysia iaitu di India dan di Sri Lanka.

A. Nagappan ialah seorang yang mempunyai pengetahuan luas dalam Mazhab Saivism agama Hindu. Beliau juga seorang sosialis yang bersifat ekstrim dan prihatin terhadap keajikan serta kesejahteraan sosial. Namun kepengarangan beliau dalam cerpen Tamil mengangkatnya sebagai seorang sasterawan yang berjaya.

Keadilan sosial dan nilai kemanusiaan menjadi nadi penghujahan kebanyakkan karya sastera dunia pelbagai bahasa. Nilai kemanusiaan diangkat sebagai tema universal dalam dunia sastera. Ia hanya dibezakan dengan bahasa. Sehubungan dengan perkara ini, A. Nagappan menggunakan cerpen Tamil sebagai media yang memperjuangkan keadilan sosial dan nilai kemanusiaan.

Masalah sosial yang diketengahkan oleh A. Nagappan dalam cerpen-cerpennya adalah isu-isu masyarakat sezaman. Watak-watak yang dihidupkan dalam cerpen beliau mengingatkan nenek moyang yang hidup pada ketika itu. Masalah kehidupan mereka banyak mewarnai cerpen-cerpen beliau. Hal ini menunjukkan keprihatinan beliau terhadap kesejahteraan sosial masyarakat India. Nada marah pengarang terhadap ketidakadilan sosial dan golongan pemerintah yang tidak bertanggungjawab juga dirasai dalam kebanyakkan cerpen beliau.

Isi cerita yang diberi nukilan seni adalah cerpen. Cerpen-cerpen beliau juga bersifat sedemikian. Selain mencerminkan kehidupan masyarakat, cerpen beliau juga menjadi bahan penghibur kepada pembaca. Keindahan beretorik beliau dalam cerpen-cerpennya sudah tentu memberi kepuasan kepada peminat-peminat cerpen.

A. Nagappan adalah penulis tersohor cerpen Tamil Malaysia era 70-an. Beliau telah menghasilkan ratusan buah cerpen. Beliau juga adalah pengasas majalah *Sakthi*. Selain itu, cerpen-cerpen beliau juga pernah memenangi hadiah dan anugerah dalam banyak pertandingan.

Setelah berbincang panjang tentang signifikan pemilihan cerpen-cerpen A. Nagappan yang banyak mengutarakan masalah sosial masyarakat India, pengkaji mendapati satu kajian terhadap cerpen-cerpen A.Nagappan perlu dibuat untuk mendedahkan masalah sosial masyarakat India di Malaysia. Sememangnya, kajian ini adalah kajian yang baharu memandangkan kajian-kajian terhadap teks-teks sastera Tamil sebelum ini adalah hanya membincangkan struktur karya seperti tema, plot, perwatakan, latar dan sudut pandangan selain amanat dan wacana pemikiran pengarang. Setakat ini belum ada kajian khusus terhadap masalah sosial dalam karya Tamil Malaysia terutama yang membabitkan genre cerpen.

Selain itu, kewajaran pemilihan pengarang tersohor cerpenis Tamil Malaysia iaitu A. Nagappan adalah berdasarkan pencapaian, kekuatan dan kecenderungan dalam bidang penulisan prosa, khususnya cerpen. Karya A. Nagappan belum pernah dijadikan bahan kajian para pengkaji terdahulu.

Oleh itu, kajian terhadap cerpen A. Nagappan perlu untuk mengetahui masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India Malaysia. Kajian ini perlu untuk

mengetengahkan kebenaran sosial yang terlindung di sebalik setiap cerpen yang dihasilkan oleh beliau.

### **1.3 Objektif Kajian**

Analisis masalah sosial dalam cerpen karya A. Nagappan di buat berdasarkan tiga objektif utama, iaitu :

- 1.3.1 Mengkaji latar belakang dan kepengarangan A.Nagappan.
- 1.3.2 Mengenal pasti masalah sosial dalam cerpen karya A. Nagappan.
- 1.3.3 Mengkaji kerelevanannya di antara masalah sosial yang terdapat dalam cerpen-cerpen A.Nagappan dengan keadaan kehidupan sebenar masyarakat India di Malaysia.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:

- 1.4.1 Apakah signifikan A.Nagappan digelar sebagai cerpenis tersohor Tamil Malaysia?
- 1.4.2 Apakah masalah sosial yang terkandung dalam cerpen karya A. Nagappan?
- 1.4.3 Sejauhmana cerpen-cerpen A.Nagappan mencerminkan keadaan kehidupan sebenar masyarakat India di Malaysia?

### 1.5 Kepentingan Kajian

Analisis terhadap kesusasteraan moden semakin rencam. Hal ini bertujuan untuk melihat dan memahami sastera dengan lebih mendalam, jitu dan dekat dengan cara objektif dan saintifik. Oleh sebab itu, pengkaji merasakan kajian terhadap cerpen karya A. Nagappan sangat penting. Ditambah pula ia lebih menjurus kepada aspek sosial yang agak menonjol dan lantang dalam mengkritik isu-isu sosial dan politik di tanah air masing-masing mahupun di peringkat antarabangsa.

Kajian ini juga bertujuan untuk memperolehi maklumat berkaitan dengan sosiologi masyarakat India di Malaysia kepada pengkaji dan bagi para pembaca pula akan dapat menaakul dan mengetahui tentang masalah sosial yang dihadapi masyarakat India yang cuba digambarkan oleh penulis. Disamping itu, kajian ini juga akan memberikan pengajaran kepada pembaca tentang nilai-nilai kemasyarakatan yang mudah dilupakan semata-mata untuk menikmati kehidupan sementara yang penuh dengan pelbagai keseronokan dan godaan di sekeliling masyarakat sama ada golongan muda ataupun tua. Dalam hal ini, pengkaji mengharapkan agar pembaca ataupun masyarakat sekarang tidak lalai dan mengenepikan soal-soal akidah dengan Tuhan untuk meneruskan hidup, soal halal dan haram yang semakin hari semakin tidak dipedulikan apabila berhadapan dengan kesusahan dan sebagainya.

Kajian ini juga dapat memperkayakan lagi kajian-kajian berkaitan sosiologi sastera dalam bahasa Tamil yang masih sedikit bilangannya. Pengkaji cuba mengupas

penggunaan aspek sosiologi mengambil kira isu sosial yang terpapar dalam cerpen. Oleh yang demikian kajian ini juga diharapkan dapat mendedahkan kesengsaraan hidup masyarakat India.

Kajian yang dianalisis oleh pengkaji ini adalah bertujuan untuk mendokumentasikan masalah sosial yang dihadapi masyarakat India di Malaysia. Ia juga menjadi bahan rujukan dan dokumen sejarah yang memerihalkan kehidupan masyarakat India di Malaysia.

Kajian tentang cerpen Tamil di Malaysia ini diharapkan akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan di samping mencipta dan menampilkan cerpen-cerpen yang memaparkan masalah kehidupan masyarakat terutamanya berkaitan dengan masalah sosial. Kajian ini memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusasteraan untuk mengenali pengarang. Melalui kajian ini juga dapat sekaligus memberi peluang serta menikmati, mempelajari dan meneladani pemikiran serta falsafah hidup pengarang cerpen A.Nagappan.

Selain itu, kajian ini juga bermotif mencadangkan langkah-langkah yang harus diambil supaya masalah sosial yang dihadapi masyarakat India diselesaikan. Saranan dan cadangan yang dibincangkan dalam kajian ini boleh digunakan oleh pihak kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sosial untuk menyelesaikan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia.